

Ekstremis jangan eksploitasi isu bahasa Inggeris:

Amaran guna ISA

Oleh Daud Awang

MELAKA, Ahad Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan sekiranya puakekstrems terus membangkitkan sentimen perkauman dalam isu pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin berkata bagaimanapun ISA akan digunakan sebagai jalan terakhir selepas perbincangan, nasihat dan sebaeginya masih tidak diendahkan oleh golongan berkenaan.

"Tindakan ISA ini adalah untuk memastikan keadaan yang ada sekarang tidak lebih tegang, timbul syak wasangka dan apabila undang-undang yang ada tidak dihormati lagi," katanya.

Kita bukan berniat untuk menakutkan mana-mana pihak tetapi kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mereka yang cuba mencetuskan huru-hara atau kacau-bilau di negara ini.

"Kita tidak mahu wujud perasaan syak wasangka antara kaum di negara ini dan mereka yang cuba mengambil kesempatan untuk menimbulkan huru-hara akan ditahan mengikut ISA," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Pembangunan Khidmat Masyarakat anjuran Yayasan Pembangunan Insan Nasional (YPIN) di Mahkota Parade di sini hari ini.

Program itu dianjurkan bersama Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia (PDRM); Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), Kementerian Dalam Negeri; Hospital Melaka dan Kementerian Kesihatan.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Ramlah Abas, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Mohd Salim Abas, dan Presiden YPIN Kapten (B) Ibrahim Osman.

Semalam, Perdana Menteri memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan dengan kedudukan sekolah Cina.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman.

Beliau berkata, pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang akan mengambil tindakan jika isu yang dibangkitkan itu boleh menimbulkan huru-hara di negara ini.

Zainal Abidin berkata, amaran Perdana Menteri itu adalah jelas dan pementauan pihak berkuasa terhadap kumpulan terbabit akan terus dilakukan untuk memastikan mereka tidak menimbulkan isu perkauman.

LIHAT MUKA 2

Keputusan mata pelajaran Sains di YIK mantap

DARI MUKA 1

"Mata pelajaran Sains di sekolah YIK diperkenalkan empat tahun lalu dan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) pada 2001, seramai 132 pelajar YIK mendapat 9 A1 dan dua pelajar mendapat 11 A1 dalam semua mata pelajaran.

"Ini membuktikan kemajuan mata pelajaran Sains di sekolah agama di Kelantan cukup membanggakan," katanya.

Ditanya mengenai keputusan Terengganu yang tidak akan melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran itu, Hassan berkata:

"Ia terpulang kepada Kerajaan Terengganu, tetapi setakat ini Kelantan mengguna pakai dasar Kerajaan Pusat, sekali gus melaksanakan arahan itu," katanya.

Rabu lalu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata subjek Sains dan Matematik tidak akan diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah agama kerajaan negeri itu.

Katanya, kerajaan negeri menentang penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek itu.

"Kami tidak akan menyokong atau menerima dasar itu untuk sekolah kami. Kami akan mengekalkan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

"Saya yakin dasar itu (mengajar Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris) akan menemui kegagalan," katanya.